KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## AHAD 10 MAC 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | AGRICULTURE MINISTER: MAY ISSUE PERMIT TO PART – TIME FISHERMEN, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 2.<br>3. | MASALAH 400 PETANI DI BESUT BAKAL DIATASI, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -68<br>MASALAH AIR PESAWAH SELESAI, NEWS, SINAR HARIAN (PANTAI TIMUR) -22 | KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) |
| 4.<br>5. | PESAWAH RUGI LEBIH RM36 JUTA AKIBAT KURANG AIR MUSIM KEMARAU, NEWS, ASTRO AWANI -7<br>PEMBENIHAN AWAN DI KAWASAN KADA JIKA KEMARAU BERPANJANGAN, NEWS, ASTRO AWANI -7 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 6. | TAWARAN UNTUK MENGIKUTI PROGRAM SIJIL PERTANIAN, ISU, BH -9 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 7. | LPP SASAR 10 PPK EKSPORT PRODUK PERTANIAN, BH -ONLINE | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 8. | SABAH FACES VIET RICE BLACKLIST, NEWS, DAILY EKSPRESS – MALAYSIA -5 | BAHAGIAN INDUSTRI PADI BERAS (IPB) / BERNAS |
| 9.<br>10. | DR ROZMEY BUAT KEMUNCULAN SEMULA, KINI USAHAWAN PERTANIAN, UM -ONLINE<br>51 ACRES OF ILLEGAL VEGETABLES FIELD IN CAMERON HIGHLANDS REMOVED, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A19 | LAIN – LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture minister: May issue permit to part-time fishermen | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 10 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 396 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,981 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,943 |



## 农长：无生活燃油补贴

# 或发准证予兼职渔夫

**（笨珍9日讯）农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁指出，为了避免兼职捕鱼人士受到执法人员取缔，政府将考虑是否发放临时通行证予相关人士。**

**惟他透露，相关的兼职者将不能获取每月渔民生活补贴及燃油补贴。**

沙拉胡丁昨午在笨珍巫金瑟卡主持一项置放花蟹幼苗入海计划后这么指出。此计划由马来西亚渔业局及博特拉大学水殖海洋科学中心联办。

马来西亚渔业局总监拿督慕尼指出，向兼职捕鱼人士发放临时通行证计划将分阶段策划，视鱼产量而定。

沙拉胡丁指出，我国一年的花蟹产量约有7000吨，其中1800吨产自柔州西海岸及笨珍等地区。

“每2万只蟹苗被放入海中后，估计可在半年后生产2.2吨的产量，到时渔民出海捕捉，预料每个渔民的收入将增加700令吉。”

他说，置放蟹苗计划目前已分阶段在波德申、笨珍、登嘉楼实兆湿地及其他地区进行。

### 笨珍鲜蛤繁殖区列保留区

沙拉胡丁说，笨珍丹绒比艾至阿逸峇礼的2000公顷天然鲜蛤繁殖区将列入保留区，有关保留区将分为100个地段，每地段由15名渔民社区经营，让1500名渔民受惠。



沙拉胡丁

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/3/2019 | MINGGUAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 68 |

# Masalah 400 petani di Besut bakal diatasi

**BESUT 9 Mac** - Projek menaik taraf sistem pengairan Skim Pengairan Pelagat yang melibatkan tiga sebut harga bernilai kira-kira RM5 juta bakal menyelesaikan masalah lebih 400 petani yang mengusahakan padi di kawasan seluas 711 hektar di sini.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan berkata, sebanyak RM3 juta akan diperuntukkan bagi mengatasi masalah tali air rosak sepanjang enam kilometer (km) di samping menaik taraf saliran sepanjang 10 km dan jalan ladang sepanjang empat km.

Katanya, projek itu telah dilaksanakan tiga tahun lalu di tali air Point C dengan menggunakan peruntukan berjumlah RM1.5 juta.

"Dalam tempoh setahun apabila siapnya projek menaik taraf ini, pesawah di kawasan Skim Pengairan Pelagat ini dijangka akan dapat menjalankan tanaman padi tanpa masalah gangguan bekalan air lagi.

"Sebagai penyelesaian segera untuk mengatasi masalah bekalan air pengairan, satu pam bergerak berkapasiti 140 liter per saat dari parit air buang telah dipasang dan diletakkan di Kampung Gong Penaga tiga hari lalu," katanya kepada pemberita selepas meninjau permasalahan pesawah di Skim Perairan Pelagat, dekat sini hari ini.



**MOHD. SALLEHUDDIN HASSAN (tengah) diberi penerangan mengenai kawasan Skim Pengairan Pelagat ketika meninjau masalah pesawah di Kampung Gong Penaga di Besut, Terengganu, semalam.**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Masalah air pesawah selesai | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Pantai Timur) | | |
| Date | 10 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 22 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 545 cm² |
| Journalist | MOHD TAHA YAACOBJ | AdValue | RM 4,321 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,963 |



# Masalah air pesawah selesai

***Kerajaan peruntuk RM3 juta naik taraf pengairan Pelagat***

MOHD TAHA YAACOB

JERTIH

Masalah bekalan air yang membelenggu 50 pesawah di Skim Pengairan Pelagat (SPP) dekat sini, selesai apabila Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil tindakan segera mengatasinya.

Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Mohd Sallehhudin Hassan berkata, MOA telah meluluskan peruntukan RM3 juta bagi mengatasi masalah tali air yang rosak di skim pengairan tersebut.

Menurutnya, projek yang dijadualkan bermula Jun ini membabitkan kerja menaiktaraf saliran sepanjang 10 kilometer (km), jalan ladang (4km) dan naik taraf tali air sekunder serta tersier sepanjang 6km.

"Projek tersebut dijangka memakan masa kurang setahun untuk disiapkan seterusnya akan dapat dimanfaatkan oleh pesawah pada musim kedua tanaman padi tahun depan," katanya ketika lawatan kerja ke Skim Pengairan Pelagat, semalam.

Hadir sama, Pemangku Pengarah Pertanian Terengganu, Zulkifli Amin Yusof; Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (IADA Ketara), Fatimah Hamid dan Ketua Bahagian Pembangunan JPS Terengganu, Anwar Abu Bakar.

Sallehhudin berkata, projek tersebut adalah penyelesaian jangka panjang masalah bekalan air kepada 50 hektar daripada keseluruhan 711 hektar kawasan sawah di skim terbabit.

Menurutnya, ia melibatkan kawasan Kampung Gong Penaga, Kenjing, Air Terjin dan Alos Selising.

"Masalah berlaku akibat tali air sedia ada rosak menyebabkan kehilangan air untuk sampai ke petak sawah di kawasan hujung dan musim kemarau turut menjadi faktor sawah merekah," katanya.

Beliau berkata, bagi penyelesaian segera, IADA Ketara telah menghantar sebuah pam bergerak berkapasiti 140 liter persaat untuk pam air dari parit air buang.

Katanya, pam itu diletakkan di kawasan Seri Penaga bagi membantu membekalkan air ke kawasan yang terjejas.

"JPS juga akan meletakkan sebuah lagi pam sementara untuk menyedut air masuk ke saliran di satu kawasan lain dalam skim sama bagi memastikan semua petak sawah mendapat bekalan air," katanya.

Sallehhudin berkata, pihaknya juga meminta IADA Ketara dan Pejabat Pertanian dibantu JPS membantu pesawah agar tidak ada gangguan yang boleh merencatkan pengeluaran hasil padi mereka.

Menurutnya, SPP juga dalam proses permohonan untuk dimasukkan dalam IADA Ketara Fasa 2, namun ia memakan sedikit masa kerana melibatkan beberapa proses.

Katanya, walaupun belum diluluskan, IADA Ketara tetap akan membantu skim tersebut mengikut kemampuan mereka.

Sementara itu, wakil pesawah yang juga Ketua Unit Kampung Air Terjun, Azlan Mat, 52, berkata, pesawah mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang prihatin dan bertindak segera mengatasi masalah mereka.

Dia berharap selepas ini, masalah air tidak timbul lagi sekali gus hasil padi akan meningkat.

*Sinar Harian* pada 23 Februari lepas melaporkan dilema dihadapi pesawah Skim Pengairan Pelagat yang bimbang pengeluaran hasil padi merosot musim ini berikutan masalah bekalan air tidak mencukupi.



**Wakil petani menjelaskan masalah dihadapi kepada Sallehhudin (dua, kiri) di Kampung Seri Penaga, semalam.**



**Sallehhudin meninjau pengairan di Skim Pengairan Pelagat, semalam.**



**Sallehhudin melihat pelan projek sistem pengairan Pelagat di Kampung Seri Penaga.**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pesawah rugi lebih RM36 juta akibat kurang air musim kemarau | | |
| MediaTitle | Astro Awani (www.astroawani.com) | | |
| Date | 10 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Pesawah rugi lebih RM36 juta akibat kurang air musim kemarau

PASIR PUTEH : Kira-kira 7,733 pesawah di kawasan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) seluas 26,833 hektar bakal berdepan kerugian melebihi RM36 juta jika masalah kekurangan bekalan air ketika musim kemarau ini gagal diselesaikan.
Ketua Setia...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pembenihan awan di kawasan KADA jika kemarau berpanjangan | | |
| MediaTitle | Astro Awani (www.astroawani.com) | | |
| Date | 10 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Pembenihan awan di kawasan KADA jika kemarau berpanjangan

PASIR PUTEH : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mungkin melaksanakan operasi pembenihan awan bagi menyelamatkan tanaman padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) jika kemarau berpanjangan.
Ketua Setiausahanya Datuk Mohd Sallehud...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/3/2019 | BERITA HARIAN | ISU | 9 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/3/2019 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# LPP sasar 10 PPK eksport produk pertanian



BANTING: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menyasarkan sekurang-kurangnya 10 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara mampu mengeksport hasil masing-masing pada masa depan, kata Pengerusinya, Datuk Mazlan Aliman.

Beliau berkata, 10 PPK itu akan mencontohi PPK Kuala Langat yang ketika ini mula mengeksport kira-kira 2,500 kilogram 11 jenis hasil pertanian ke Jeddah, Arab Saudi melalui lima penghantaran melalui udara.

Katanya, ketika ini beliau sudah meminta Pengurus Besar PPK Kuala Langat, Mohd Shakran Shamsuddin menyediakan modul yang boleh diguna pakai PPK lain yang berminat dan berupaya mencontohi pengusaha di daerah ini.

"Idea ini timbul kerana saya perlu berikan jawapan kepada PPK lain kerana mereka mempersoalkan adakah PPK Kuala Langat yang diberikan tumpuan.

"Jadi, saya minta PPK Kuala Langat menyediakan modul yang boleh dikongsikan dengan PPK lain dan kami menyasarkan sekurang-kurangnya 10 PPK setahun akan mampu mengeksport hasil mereka.

"Modul itu akan disiapkan dalam masa dua minggu dan ia termasuk sistem penggredan hasil pertanian sesuai untuk eksport," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Lori PPK Kuala Langat di Ladang Satelit PPK Kuala Langat, di sini, hari ini.



Mazlan (tiga dari kiri) pada Majlis Penyerahan Lori PPK Kuala Langat di Ladang Satelit PPK Kuala Langat, di Banting, hari ini. - NSTP/Sairien Nafis

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah LPP, Azulita Salim dan Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr Abdul Razak Khasbullah.

Mazlan berkata, sementara modul itu disiapkan, pihaknya akan mengenal pasti PPK mengikut lima zon, yang berpotensi dan berkemampuan mengikuti jejak PPK Kuala Langat.

Sementara itu, Mohd Shakran Shamsudin berkata, PPK Kuala Langat mula mengeksport hasil pertanian selepas seorang pengusaha kedai Asia di Jeddah yang juga rakyat negara ini datang melawat daerah itu dan membuka laluan eksport kepada pengusaha ladang.

Katanya, kira-kira 400 pengusaha terbabit mengeksport pelbagai hasil pertanian termasuk cili, cili padi, halia muda, lengkuas, pegaga, limau kasturi dan daun kunyit untuk pasaran di negara Arab itu dengan 500 kilogram bagi setiap penghantaran.

"Kita mula eksport ke Jeddah awal Januari lalu dan sudah lima kali hasil pertanian dihantar ke sana dengan nilai eksport lebih RM100, 000," katanya.

Pengusaha, Shawal Misban, 35, pula berkata beliau tidak menyangka hasil pertaniannya mampu dieksport ke Jeddah berikutan permintaan halia muda dalam negara juga tinggi berbanding bekalan sehingga terpaksa mengimport dari negara jiran seperti Thailand.

"Saya risau ia rosak apabila sampai ke sana, tetapi dimaklumkan halia muda, lengkuas, kunyit dan daun kunyit yang dihantar tidak terjejas," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sabah faces Viet rice blacklist | | |
| MediaTitle | Daily Express - Malaysia (dailyexpress.com.my) | | |
| Date | 10 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 5 | Readership | 6 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |

# Sabah faces Viet rice blacklist

KOTA KINABALU: Sabah may be blacklisted from future Vietnamese rice imports following an alleged rice transhipment bungle by Malaysian Customs which, according to a spokesman for seven Vietnamese firms involved, is said to have incurred them over RM10 mil...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/3/2019 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Dr. Rozmey buat kemunculan semula, kini usahawan pertanian



ALOR SETAR 10 Mac - Nama Datuk Dr. Che Rozmey Che Din satu ketika dahulu dikenali ramai dan menjadi sebutan di seluruh negara sebagai usahawan dan jutawan produk kesihatan.
Terkenal dengan produk pelangsingan badan Jus Mate 5 (JM5), nama Dr. Rozmey bersinar lebih awal sebelum kemunculan jutawan kosmetik lain seperti Datuk Seri Dr. Hasmiza Othman atau Dr. Vida serta Datuk Seri Aliff Syukri Kamarzaman.

Selepas itu, nama Dr. Rozmey tiba-tiba sepi malah cerita dan produknya sudah lama tidak menghiasi ruangan di media-media cetak mahupun elektronik.

Semalam, Dr. Rozmey tampil membuat sidang akhbar bagi memperkenalkan jenama baharu keluarannya iaitu baja DDR Bio Grow yang berperanan membantu meningkatkan hasil pertanian.




DDR Bio Grow adalah baja polimer yang diekstrak daripada kulit udang dan cengkerang ketam menerusi teknologi biosains dan fasiliti makmal terkini. - UTUSAN ONLINE/ FACEBOOK RASMI Dato Rozmey Herba Prima Marketing

Daripada seorang usahawan produk kesihatan, Dr. Rozmey kini kembali namun berwajah baharu sebagai usahawan dalam bidang pertanian yang dilihat lebih luas daripada segi pasarannya.

Dr. Rozmey berkata, DDR Bio Grow adalah baja polimer yang diekstrak daripada kulit udang dan cengkerang ketam menerusi teknologi biosains dan fasiliti makmal terkini.

Katanya, hasrat beliau mengeluarkan jenama tersebut adalah bagi membantu petani dan mengangkat industri pertanian ke tahap mapan melalui baja hasil kombinasi kuasa bio dan lautan itu.

"Idea menghasilkan baja ini tercetus apabila melihat sektor pertanian yang dijalankan ada yang berdepan masalah kerosakan padi dan hasil pertanian berkurangan atas pelbagai faktor antaranya tanah, serangan serangga, siput perosak dan tikus.

"Melihat kepada permasalahan itu, saya bekerjasama dengan seorang rakan iaitu pakar kimia dalam polimer bagi menghasilkan baja yang dapat membantu petani meningkatkan hasil pertanian," katanya.

Kata beliau, baja tersebut mula berada di pasaran sejak tiga bulan lalu dengan sambutan yang diterima memberangsangkan selain mendapat maklum balas positif daripada pesawah dan petani.

"Antara maklum balas diterima ialah pesawah mendapat hasil padi sebanyak 80 peratus lebih tinggi untuk keluasan 0.3 hektar tanah.

"Hasil itu iaitu antara 2.3 tan metrik hingga 2.5 tan metrik. Sebelum ini, hasil padi adalah 1.3 hingga 1.5 tan metrik sahaja," katanya.

Tambah beliau, DDR Bio Grow bersaiz satu liter bagi kegunaan 1.3 hektar sawah semusim (RM65) dan empat liter (RM199) untuk kegunaan berkeluasan 0.9 hektar.- UTUSAN ONLINE

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 51 acres of illegal vegetable fields in Cameron Highlands removed | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 10 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A19 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 672 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,786 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 35,358 |



# 金马仑铲51英亩非法菜园

「沙拉胡丁指出，在3月中完成的首阶段执法行动中，共有11座菜园被铲除。」



为了确保金马仑区的河水水质不受影响，彭亨州政府自2月25日起至今，已铲除金马仑占地51英亩的非法菜园地！

**关丹9日讯**｜金马仑非法菜园问题再现，彭亨州政府今年起毫不手软展开雷厉行动，自2月25日起至今，已铲除金马仑占地51英亩的非法菜园地！

早年，由于金马仑的非法菜园问题非常严重，甚至导致土崩问题一再发生，因此国家安理会从2014年起，便在金马仑展开连续2年的「象牙行动」，严厉的执法一度促使非法菜园问题销声匿迹，但却无法连根拔起。

彭亨州秘书拿督斯里沙拉胡丁指出，在3月中完成的首阶段执法行动中，共有11座菜园被铲除，他预料在4月份展开的次轮执法行动中，将会有总计50座非法菜园被铲除。

## 确保不影响水质

他指出，这次的执法行动，不仅是要确保金马仑区的河水水质不受影响，也是为了恢复金马仑存过的辉煌期。

「这些非法菜园就位于在依查河集水区，由于农耕活动会有农药与肥料，会导致河水污染而被迫关闭。」

沙拉胡丁今日是在彭亨基金大厦礼堂主持活动结束后，向媒体如是表示。「非法菜园开辟已导致水源污染，对当地需净水供应的居民并不公平。」

## 有发通知书

另外，他也反驳农民指没有收到通知书一事，表示当局每年都有发出通知给违例在当地开辟菜园的园主。

「政府自2009年起，便不断发出通知书给违例园主，换言之已有10年之久，因为此次7天的期限通知已算是合理。」

沙拉胡丁指出，为应对其土地局与地方政府对当地监督糅长英亥，州政府目前尚在探讨于金马仑成立机构的建议。



彭亨州政府采取缔行动，拆除金马仑51英亩菜园地。图为当局之前拆除非法菜园的画面。

Powered by: isentia